

18 NOV 1999

DAP-Calon

KERK KIM HOCK CALON DAP BAGI PARLIMEN KOTA MELAKA

MELAKA, 18 Nov (Bernama) -- Setiausaha Penganjur DAP, Kerk Kim Hock malam ini diumumkan sebagai calon DAP bagi kawasan Parlimen Kota Melaka menggantikan Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Setiausaha agong DAP, Lim Kit Siang turut mengumumkan pengerusi DAP Melaka Sim Tong Him bertanding untuk mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Hilir.

"Isteri Guan Eng Betty Chew pula akan bertanding di Durian Daun sementara kawasan yang ditandingi oleh Setiausaha DAP, Goh Leong San yang juga bekas anggota DUN Tengkeri akan diumumkan kemudian," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis, "Keadilan Untuk Semua" yang dianjurkan oleh DAP, di sini, malam ini.

Pengumuman pencalonan Kerk menamatkan spekulasi bahawa Sim adalah calon utama bagi mengisi kekosongan Parlimen Kota Melaka menggantikan Guan Eng yang tidak lagi layak menjadi wakil rakyat setelah dipenjarakan oleh mahkamah selama 18 bulan di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Kerk, 43, bekas ahli Parlimen DAP di Pasir Pinji, Perak apabila beliau memenangi pilihan raya umum 1990. Beliau tewas pada pada calon BN pada pilihan raya umum lepas.

Kawasan Parlimen Kota Melaka sebelum ini diwakili selama tiga penggal oleh Lim Guan Eng yang dibebaskan daripada penjara pada 25 Ogos lepas setelah menjalani hukuman penjara selama 12 bulan.

Mengenai lima lagi kerusi DUN yang bakal ditandingi oleh DAP di Paya Rumpit, Bachang, Ayer Keroh, Duyung dan Pulau Sebang, Kit Siang berkata nama-nama calon berkenaan akan diketahui semasa penamaan calon kelak.

Pada pilihan raya umum lepas, DAP memenangi tiga kerusi DUN iaitu Bandar Hilir, Tengkeri dan Durian Daun dan serta satu kerusi Parlimen iaitu Kota Melaka.

Kit Siang juga menyambut baik yang hari pengundian bagi pilihan raya umum pada Nov 29 ini diisytiharkan sebagai cuti umum oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

" Saya gembira kerajaan telah menerima pandangan pelbagai pihak termasuk DAP supaya hari pengundian diisytiharkan cuti umum," katanya.

-- BERNAMA

NO PR